

## **BIMBINGAN RAKAN SEBAYA (*PEER COACHING*)**

### **1. PENGENALAN.**

Bimbingan Rakan Sebaya atau Pembimbing Instruksi (*Peer Coaching / Instructional Coaches*) merujuk kepada satu strategi yang sistematik melalui prakonferensi, pemerhatian dan pascakonferensi untuk memerhatikan pengajaran rakan guru bagi membantu meningkatkan profesionalisme. Mengikut Hasbrouck (1997), *Peer Coaching* adalah satu pendekatan untuk memperbaiki pelaksanaan kurikulum terhadap strategi, teknik dan kemampuan guru dalam pembelajaran.

Proses *Peer Coaching* melibatkan dua atau lebih rakan profesional bekerjasama untuk mencerminkan amalan semasa, meningkat, menghalusi dan membina kemahiran baharu, berkongsi idea, mengajar antara satu sama lain, menjalankan kajian di bilik darjah, atau menyelesaikan masalah di tempat kerja. Menurut Shulman (1991), *Peer Coaching* adalah satu situasi yang membolehkan guru berkongsi pengalaman pengajaran dan pengetahuan pedagogi di dalam bilik darjah tanpa sebarang paksaan. Kajian Neufeld & Roper (2003) mendapati berlakunya peningkatan prestasi murid dalam subjek Matematik dan Sains apabila *Peer Coaching* diamalkan di sekolah itu.

### **2. OBJEKTIF**

- a. Memahami tiga proses utama dalam *Peer Coaching* (prakonferensi, pemerhatian dan pascakonferensi)
- b. Mengenal pasti peranan *coach* dalam pelaksanaan *Peer Coaching*.
- c. Memberikan contoh-contoh soalan reflektif yang boleh digunakan dalam sesi *Peer Coaching*.


### **3. PELAKSANAAN**

*Peer Coaching* boleh dilaksanakan melalui 3 cara:

#### **Proses *Coaching***

### 3.1 Model 1: Guru Mengajar Model Pengajaran

Dalam model ini, guru mengajar manakala *coach* dan guru-guru lain memerhati.



#### a. Prakonferensi


Berikut adalah antara perkara yang boleh dibincangkan semasa sesi ini:

- Topik : Apakah topik anda?
- Matlamat : Apakah matlamat anda?
- Fokus : Apakah yang anda hendak saya lihat?
- Pengumpulan Data : Bagaimanakah anda mahu saya mengumpul data?
- Membuat Ringkasan : Oleh itu secara ringkasnya...

#### b. Pemerhatian

Terdapat pelbagai cara mengumpul data semasa memerhatikan pengajaran atau sesi *coaching*. Antaranya adalah:

- i. Mencatat
- ii. Merekod
- iii. Senarai semak
- iv. Carta dan jadual
- v. Gambar dan visual



### c. Pascakonferensi

- i. *Coach* meminta pengajar membuat penilaian sendiri berdasarkan apa yang telah berlaku di dalam kelas.  
*Contoh: Apakah pendapat anda tentang pengajaran tadi?*
- ii. Nyatakan bidang pemfokusan semula.  
(Anda meminta saya memberikan fokus kepada teknik penyoalan, penglibatan murid, maklum balas murid...)
- iii. Kongsi data dan beri komen tentang apa yang anda telah lihat dan dengar.
- iv. Beri cadangan – bertanya jika anda boleh memberikan cadangan.
- v. Tanya apa yang pembentang boleh buat secara berbeza pada masa akan datang.
- vi. Buat ringkasan.

### 3.2 Model 2: *Coach* Sebagai Guru yang Mengajar Model Pengajaran.

Dalam model ini, *coach* yang mengajar guru-guru lain akan memerhati.

#### a. Prakonferensi

##### i. Menjelaskan PdP

- Fokus pengajaran saya adalah...
- Saya hendak murid belajar dan faham...
- Saya bercadang menggunakan strategi instruksional...
- Saya jangkakan murid boleh...
- Jika...maka saya akan mengubahsuaikan pengajaran dengan...

##### ii. Menstrukturkan Pemerhatian

- Saya hendak anda fokuskan pemerhatian anda kepada cara saya...
- Saya hendak anda fokuskan bagaimana murid...
- Saya perlukan maklum balas tentang...
- Bagaimanakah anda akan merekod pemerhatian anda untuk memudahkan perbualan bersifat pembelajaran (*learning conversation*) pada masa pascakonferensi?

#### b. Semasa Pengajaran

- *Coach* melaksanakan pengajaran
- Guru memerhatikan pengajaran di dalam kelas dan merekodkan maklumat yang dibincangkan dalam prakonferensi.

#### c. Pascakonferensi

- *Coach* memudah cara perbualan pascakonferensi
- Apakah yang anda perhatikan?
- Adakah pengajaran berlaku seperti yang kita harapkan?

- Pada bahagian manakah anda dapati saya menyesuaikan arahan?
- Adakah terdapat unsur kejutan?
- Jika anda yang melaksanakan pengajaran ini, apakah yang akan anda ubah?
- Apakah yang anda pelajari apabila melihat saya mengajar?
- Adakah anda ingin bertanya soalan lain?

### **3.3 Model 3: *Co-Leading / Co-Teaching***

Dalam model ini, *coach* dan guru mengajar bersama-sama dan guru-guru lain akan memerhati.

#### **a. Konferensi Pra-pengajaran**

Soalan-soalan panduan untuk *Coach*

- i. Apakah matlamat anda untuk PdP ini?
- ii. Bagaimanakah anda bercadang untuk melaksanakan PdP ini?
- iii. Apakah kandungan spesifik (pengetahuan, kefahaman, konsep, kemahiran) yang anda mahu murid pelajari?
- iv. Pada peringkat manakah anda perlukan bantuan saya?
- v. Dalam unit manakah terletakinya pengajaran ini dan mengapa?
- vi. Apakah bahan yang diperlukan?
- vii. Apakah *standard / aras* yang dipakai dalam PdP ini?
- viii. Apakah pengetahuan lampau murid yang diperlukan dalam PdP ini?
- ix. Bagaimanakah anda melihat PdP ini akan berkembang dan di manakah anda menjangkakan masalah akan timbul?
- x. Bagaimanakah anda tahu matlamat PdP telah tercapai? (Bagaimanakah murid akan memperlihatkan hasil pembelajaran mereka?)

## **b. Mengajar Secara Bersama-sama (*Co-Teaching The Lesson*)**

Semasa proses PdP, peranan *Coach* boleh berubah bergantung pada persetujuan yang dicapai semasa prakonferensi.

*Coach* boleh:

- Menerajui bahagian yang berlainan dalam proses PdP secara berkolaboratif dengan guru.
- Mengajar sebahagian daripada PdP sementara guru pula membuat pemerhatian
- Berfungsi sebagai pemerhati semasa aktiviti yang telah disetujui bersama untuk dilaksanakan dalam PdP
- Lakukan intervensi secara berkala untuk mengukuhkan pembelajaran (Contohnya *Coach* bertanyakan soalan, membentangkan masalah kehidupan sebenar)
- Semasa proses *co-teaching*, penting diingatkan bahawa *Coach* ialah rakan kongsi, dan bukanlah seorang hakim, pengkritik atau penyelamat.

## **c. Pascakonferensi**

Soalan panduan untuk *Coach*:

- a. Apakah yang anda perhatikan semasa PdP?
- b. Di manakah jangkaan kita yang dibuktikan betul?
- c. Di manakah jangkaan kita yang dibuktikan tidak betul?
- d. Apakah perasaan anda terhadap PdP yang telah dilaksanakan.
- e. Sejauh manakah kita berjaya melaksanakan PdP dengan berkesan?
- f. Apakah masalah yang timbul?
- g. Adakah murid mempelajari apa yang sepatutnya dipelajari?
- h. Adakah proses PdP sesuai dengan matlamat?
- i. Adakah matlamat yang ditetapkan sesuai?

- j. Jika kita mengulangi pelajaran ini, apakah penambahbaikan yang perlu dibuat?
- k. Bagaimanakah kita tahu murid telah memahami apa yang kita hendak mereka fahami?
- l. Apakah yang dapat kita lakukan selepas ini?

#### **4. CIRI-CIRI POSITIF COACH**

- Bermotivasi tinggi
- Pengurusan berkesan
- Komunikasi
- Keputusan yang tepat dan cekap
- Memahami tugas
- Melaksanakan tugas dengan ilmu dan kemahiran.

#### **5. SIFAT-SIFAT YANG DISUKAI COACHEE**

- Ramah
- Menghormati
- Bermanis muka
- Beradab sopan
- Cekap
- Bertanggungjawab
- Amanah
- Cekap
- Sedia memabntu
- Bertimbang rasa
- Memudahkan
- Komunikasi baik
- Pandai ambil hati
- Jujur

- Kemas
- berilmu

## PELAKSANAAN AKTIVITI *PEER COACHING*

<b>Pengenalan</b>				
<p><i>Peer Coaching</i> adalah salah satu kaedah yang digunakan dalam program Komuniti Pembelajaran Profesional (PLC) untuk pemerhatian khusus PdP guru di dalam bilik darjah. Bagi memastikan kelancaran dan keberkesanan aktiviti <i>Peer Coaching</i>, langkah-langkah yang berikut wajar dijadikan panduan.</p> <p>Sila nyatakan perspektif anda terhadap aktiviti <i>Peer Coaching</i> yang dijalankan di sekolah anda.</p>				
BIL	CADANGAN PELAKSANAAN AKTIVITI	STATUS PELAKSANAAN DI SEKOLAH (Tandakan ✓ pada ruangan yang relevan)		
		Dilaksanakan sepenuhnya	Dilaksanakan sebahagian	Tidak dilaksanakan
1	<b>PRAKONFERENSI</b>			
	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Memberikan fokus kepada aspek PdP guru</li> </ul>			

	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mewujudkan hubungan yang meyakinkan dalam membantu meningkatkan profesionalisme</li> </ul>			
	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menyediakan minda ke arah objektif dan kaedah pengajaran</li> </ul>			
	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menentukan struktur dan fokus pemerhatian</li> </ul>			
	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Memahami dan mempelajari isi pengajaran yang diharapkan melalui penyediaan soalan-soalan seperti berikut: <ul style="list-style-type: none"> <li>- Apakah matlamat pengajaran anda?</li> <li>- Bagaimanakah anda merancang pengajaran?</li> <li>- Apakah kandungan khusus pengajaran yang anda harapkan untuk murid belajar?</li> <li>- Di manakah anda perlukan bantuan?</li> <li>- Apakah bahan-bahan yang diperlukan?</li> </ul> </li> </ul>			
	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Apakah pengetahuan sedia ada pada murid-murid sebelum pembelajaran tajuk ini?</li> <li>- Bagaimanakah anda tahu dan dapat mengesan kesukaran pada pengajaran?</li> <li>- Bagaimana kita tahu bahawa objektif pembelajaran tercapai?</li> </ul>			
	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Perancangan terhadap strategi pengajaran</li> </ul>			

	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Jangkaan terhadap guru</li> </ul>			
	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Wujudkan kemahiran penilaian sendiri yang profesional</li> </ul>			
<b>2</b>	<b>PEMERHATIAN</b>			
	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Guru seharusnya mengenal pasti peralatan untuk mengumpul data</li> </ul>			
	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Mengumpul data/ maklumat melalui pelbagai kaedah seperti skrip, rakaman, senarai semak, carta/ jadual dan gambar/ visual</li> </ul>			
	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Melihat interaksi</li> </ul>			
	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Mentafsir tingkah laku guru</li> </ul>			
	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Meneliti dokumen berkaitan</li> </ul>			
	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Menganalisis data/ maklumat untuk tujuan perbincangan</li> </ul>			
<b>3</b>	<b>PASCAKONFERENSI</b>			
	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Memaksimumkan perlakuan dan tindakan sebenar yang berlaku semasa sesi pengajaran</li> </ul>			
	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Memfokuskan perbincangan terhadap 2 atau 3 isu utama</li> </ul>			
	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Memberikan peluang kepada guru menjelaskan perlakuan pengajarannya</li> </ul>			
	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Membincangkan elemen-elemen yang boleh membantu perubahan pengajaran</li> </ul>			

	<ul style="list-style-type: none"><li>● Mendorong guru membuat semakan faktor kelebihan/ kelemahan pengajaran</li></ul>			
	<ul style="list-style-type: none"><li>● Wujudkan persefahaman perkara berikut untuk pengajaran akan datang:<ul style="list-style-type: none"><li>- Aspek yang perlu diperbaiki atau dikekalkan</li><li>- Penambahbaikan dan tindakan yang akan dilakukan</li><li>- Kaedah penilaian yang lebih berkesan.</li></ul></li></ul>			